



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**4 MAC 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 2,131 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 348,796 kes. Sebanyak 15 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tiga (3) kes di Beaufort, Keningau dan Tuaran, dua (2) kes di Kota Kinabalu manakala masing-masing satu (1) kes di Kota Belud, Kota Marudu, Tenom serta Kudat. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 3,684 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 305,595 orang. Manakala 1,540 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,009 orang di hospital, 510 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 18 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan tiga (3) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 55 orang merangkumi 49 di ICU/repurposed kritikal care serta enam (6) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 27 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah mencatatkan sebanyak 2,131 jangkitan baharu hari ini iaitu penyusutan sebanyak 586 kes berbanding semalam.
- b. Sungguhpun berlaku penurunan kes harian pada skala yang agak besar, ancaman penularan baru masih wujud dengan mengambilkira peratusan jangkitan sporadik dalam komuniti yang amat tinggi, iaitu 69.03%. Kes-kes melalui jangkitan sporadik merupakan penyumbang utama kes-kes baharu hari ini di 25 daripada 27 daerah di Sabah.
- c. Lima (5) daerah mencatatkan kes tiga (3) angka iaitu Kota Kinabalu 677 kes, Penampang 199 kes, Tuaran 145 kes, Papar 122 kes dan Kota Belud 100 kes. 19 daerah lagi mencatatkan kes dua (2) angka dan tiga (3) daerah iaitu Semporna, Kalabakan dan Kunak masing-masing mencatatkan kes satu (1) angka.
- d. Sebanyak 2,118 atau 99.39% daripada 2,131 kes-kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, enam (6) kes dalam Kategori 3, enam (6) kes dalam Kategori 4 dan satu (1) kes dalam Kategori 5.
- e. Setakat ini, PICKids Sabah telah berjaya melaksanakan pemberian vaksin kepada 55,540 kanak-kanak daripada 411,400 kanak-kanak berumur antara 5-11 tahun yang layak divaksin. Sebanyak 231 kes hari ini melibatkan kanak-kanak bawah umur 11 tahun yang belum divaksin, dengan 129 daripadanya merupakan kanak-kanak yang belum layak mendapat vaksin (bawah umur 5 tahun).

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	1	0.05%
2	Kontak	467	21.91%
3	Bergejala	1,471	69.03%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	192	9.00%
<b>JUMLAH</b>		<b>2,131</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (3 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 03/03/2022	Catatan Kes 04/03/2022	Perbandingan
1	Tambunan	19	64	+45
2	Kuala Penyu	16	45	+29
3	Kota Belud	79	100	+21
4	Telupid	2	23	+21
5	Penampang	184	199	+15
6	Sipitang	39	54	+15
7	Tuaran	131	145	+14
8	Tawau	84	98	+14
3	Kota Marudu	44	58	+14
10	Pitas	16	28	+12
11	Tongod	14	20	+6
12	Papar	120	122	+2
13	Kinabatangan	16	18	+2
14	Nabawan	14	16	+2
15	Kudat	28	28	Mendatar
16	Kota Kinabalu	1,350	677	-673
17	Lahad Datu	56	19	-37
18	Putatan	62	36	-26
19	Keningau	113	97	-16
20	Beaufort	108	94	-14
21	Ranau	36	23	-13
22	Tenom	79	67	-12
23	Beluran	19	17	-2
24	Kalabakan	10	8	-2
25	Semporna	7	6	-1
26	Sandakan	64	63	-1
27	Kunak	7	6	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>2,717</b>	<b>2,131</b>	<b>-586</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	81	520	0	76	677	14,469
Penampang	0	37	160	0	2	199	5,121
Tuaran	0	62	74	0	9	145	4,293
Papar	0	38	79	0	5	122	3,581
Kota Belud	0	24	66	0	10	100	2,087
Tawau	0	13	69	0	16	98	2,582
Keningau	1	44	49	0	3	97	1,922
Beaufort	0	11	75	0	8	94	1,964
Tenom	0	17	46	0	4	67	961
Tambunan	0	17	46	0	1	64	593
Sandakan	0	4	57	0	2	63	1,798
Kota Marudu	0	24	27	0	7	58	1,192
Sipitang	0	16	34	0	4	54	759
Kuala Penyu	0	33	10	0	2	45	755
Putatan	0	6	28	0	2	36	2,620
Pitas	0	3	20	0	5	28	475
Kudat	0	3	21	0	4	28	364
Ranau	0	3	13	0	7	23	1024
Telupid	0	6	14	0	3	23	427
Tongod	0	0	20	0	0	20	321
Lahad Datu	0	2	7	0	10	19	1204
Kinabatangan	0	7	8	0	3	18	286
Beluran	0	6	6	0	5	17	484
Nabawan	0	8	8	0	0	16	415
Kalabakan	0	1	7	0	0	8	100
Kunak	0	0	4	0	2	6	294
Semporna	0	1	3	0	2	6	145
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>467</b>	<b>1,471</b>	<b>0</b>	<b>192</b>	<b>2,131</b>	<b>50,236</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Keningau	Kluster Bukit Langsung	1
<b>Jumlah</b>		<b>1</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,993 unit

- Hospital 1,786 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,967 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 38.57%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 4 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	2,101
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	29
<b>Jumlah</b>	<b>2,131</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Terangganu	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	2,069
Bukan Malaysia	62
<b>Jumlah</b>	<b>2,131</b>

iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	129
Belum Menerima Vaksin (5-11)	102
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	135
Menerima 1 Dos	37
Lengkap 2 Dos	1,075
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	653
<b>Jumlah</b>	<b>2,131</b>

c

iv. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	30
1-4	99
5 -11	128
12-17	96
18-29	483
30-39	531
40-49	320
50-59	202
60-69	136
70-79	73
80-89	31
>90	2
<b>Jumlah</b>	<b>2,131</b>

**C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 3 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 13,435 orang. Daripada jumlah ini, seramai 11,209 orang adalah penduduk dewasa, 57 orang adalah penduduk remaja 2,169 orang adalah penduduk kanak-kanak.



- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 2 setakat 3 Mac 2022 adalah seramai 2,514,139 orang. Ini meliputi 2,119,558 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.02% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,413,804 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,100,054 orang atau 77.30% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 339,040 orang atau 79.55% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,750 atau 73.62% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 55,540 atau 13.50% orang telah menerima 1 dos vaksin.

#### **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **683,620** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

#### **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Sebanyak tiga (3) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan oleh PDRM seluruh Sabah.
  - Tiga (3) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka.
- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 262 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 43 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.

3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 713 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT
- ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 552 premis perniagaan dan 360 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan ke atas premis atau individu oleh DBKK..

4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 93 Premis Perniagaan melibatkan 40 anggota APM.

5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 129 anggota.

6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan empat (4) buah BBP pada hari ini.

7 Sejumlah 160 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.

8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 573 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **97.9%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kunak	98.1%
2	Semporna	98%
3	Beluran	98%
4	Kudat	98%
5	Kinabatangan	98%
6	Sipitang	98%
7	Keningau	98%
8	Kota Marudu	98%
9	Lahad Datu	98%
10	Ranau	98%
11	Sandakan	97.8%
12	Beaufort	97.8%
13	Tawau	97.8%
14	Tenom	97.8%
15	Kota Belud	97.8%
16	Tuaran	97.7%
17	Kota Kinabalu	97.7%
18	Papar	97.7%
19	Penampang	97.6%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**